

Perdana Menteri puas hati operasi MRT Fasa 2 berjalan lancar

PM, isteri tinjau MRT Kajang



NAJIB bersama isteri meninjau perkhidmatan MRT Fasa 2 bersama rakan-rakan online beliau semalam.

KUALA LUMPUR – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang ditemani isteri, Datin Seri Rosmah Mansor meninjau perkhidmatan sistem Transit Aliran Massa (MRT) Fasa 2 Semantan-Kajang dekat sini bersama rakan-rakan online beliau semalam.

Perdana Menteri yang berkongsi video lawatan tersebut menerusi laman sosial Twitter dan Facebook rasminya bagi membolehkan orang awam menyaksikan previu sistem pengangkutan awam tanpa pemandu itu kelihatan berpuas hati dengan kelancaran operasi perkhidmatan berkenaan.

Fasa 2 MRT sepanjang 31 kilometer akan menghubungkan laluan Kelana Jaya, Sri Petaling, Ampang dan perkhidmatan monorel.

Ia dijadualkan mula beroperasi sepenuhnya untuk kegunaan orang ramai empat hari lagi, iaitu pada 17 Julai ini.

Rata-rata netizen memberikan respons baik terhadap video berkenaan. Mereka menyifatkan perkhidmatan pengangkutan awam baharu itu bakal mengurangkan kesesakan lalu lintas selain meringankan beban perbelanjaan perjalanan ke tempat kerja.

Terdahulu dalam program berasingan, Najib memberitahu, dana berjumlah RM5.88 bilion telah dikeluarkan bagi program pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) pada 2017 yang sedang dilaksanakan 16 kementerian dan lebih 60 agensi.

Perdana Menteri berkata, dana tersebut sejajar dengan penetapan

2017 sebagai tahun 'mempromosi pembangunan PKS dan pemula niaga', dalam usaha kerajaan meningkatkan sumbangan PKS kepada negara.

"Saya juga difahamkan yang hasil utama kaji selidik PKS bagi suku pertama 2017 menunjukkan prestasi perniagaan PKS bertambah baik.

"Saya yakin matlamat jangka panjang dan hala tuju di bawah Pelan Induk PKS untuk mempergiatkan pertumbuhan PKS ke arah pencapaian status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 mampu direalisasikan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan aluar sebelum memengerusikan Mesyuarat Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana Kebangsaan ke-22 di sini semalam.